

## Qada' Solat

Disumbangkan oleh ahmad rais  
Wednesday, 02 July 2008

Assalamualaikum.

Bulan lepas saya masuk wad sebab kena bedah

Pergelangan tangan saya diplaster dan air tidak dapat tembusi plaster itu.

Jadi saya tayamum. Perlu diqada' solat itu? saya selama 8 hari di wad dan setiap kali solat saya tayamum.

soalan 2 : Ketika di wad, saya tidak solat jumaat kerana dibius (tidak sedar).saya bangun kira-kira jam 3 ptg dan saya hanya solat zohor dengan wuduk tayamum seperti soalan satu di atas. Jika solat jumaat itu perlu qada', bagaimana caranya?

Terima kasih

.....

w.salam

1. Jika ketika di plaster yangan dibedah itu dalam keadaan tidak ada wuduk maka wajib diqadha solat tersebut kerana plaster itu berada pada anggota wuduk,
2. Dalam masalah ini tuan tidak wajib solat jumaat dan qadha jumaat tetapi hanya wajib melakukan solat zuhur.

wallahua'lam